

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BERTULIS
DARIPADA : YB. TUAN WONG SZE PHIN @ JIMMY
KAWASAN : KOTA KINABALU

SOALAN:

YB. TUAN WONG SZE PHIN @ JIMMY (KOTA KINABALU) minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan dalam rancangan pembinaan Lebuhraya Pan-Borneo, khususnya di negeri Sabah, berapakah jalan raya akan dinaiktaraf kepada 'dual-carriageway' atau lebih. Nyatakan peratusan 'dual-carriageway' atau lebih daripada keseluruhan jalan raya tersebut.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jarak panjang keseluruhan Jalan Pan Borneo meliputi negeri Sabah dan Sarawak ialah 2,239km. Daripada jumlah tersebut, 1,166km berada di Sabah dan 1,073km di Sarawak. Sehingga tahun 2013, jajaran Jalan Pan Borneo yang telah dinaikkan taraf kepada laluan 4 lorong 2 hala ialah 251km, iaitu 114km di Sabah dan 137km di Sarawak.

Pada tahun 2014 ini Kerajaan telah meluluskan 4 projek baru untuk dilaksanakan di Sabah, iaitu seperti berikut:

- (a) Menaik taraf Jalan Donggongan ke Simpang Papar Spur, Pakej 1 (13.7km);
- (b) Menaik Taraf Jalan Petagas ke Lok Kawi, Pakej 1A dan 1B (6km);
- (c) Menaik Taraf Jalan Tawau ke Semporna dari Persimpangan Lapangan Terbang Tawau ke Pekan Semporna, Fasa 1 (15km); dan
- (d) Menaik Taraf Jalan Segama Lahad Datu, Fasa 1 (5.6km).

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelaksanaan projek Jalan Pan Borneo ini melibatkan kos yang sangat tinggi kepada Kerajaan di mana anggaran kos untuk membina jajaran di Sabah sahaja ialah sebanyak RM9.5 bilion. Sehubungan itu projek ini perlu dilaksanakan secara berfasa untuk tempoh masa yang panjang, iaitu mengambil kira kemampuan kewangan Kerajaan.

Walau bagaimanapun untuk mempercepatkan lagi pelaksanaan projek Jalan Pan Borneo ini, Kerajaan secara prinsipnya telah bersetuju untuk melaksanakan projek tersebut menerusi inisiatif daripada pihak swasta. Pada masa kini rundingan awal sedang diadakan dengan pihak swasta yang berhasrat untuk melaksanakan projek Jalan Pan Borneo ini dalam tempoh masa yang lebih singkat, berbanding kaedah pelaksanaan secara konvensional menerusi peruntukan Rancangan 5 Tahun Kerajaan.

Sekian, terima kasih.